

**TALKING POINTS
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT
AGUNG PERWAKILAN KALI KE SEBELAS
DAN PERASMIAN PEJABAT BARU**

**KOPERASI YAYASAN GURU DAN
PENJAWAT AWAM MALAYSIA BERHAD**

**24 SEPTEMBER 2022 (SABTU)
11:00 PAGI**

BANGUNAN MELAWATI CORPORATE CENTRE, TAMAN MELAWATI, KUALA LUMPUR

Bismillahirrahmaanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Terima Kasih Pengacara Majlis

YBhg. Dato' Hj. Kamarudin Hj. Ismail
Pengerusi Anggota Lembaga Koperasi
Yayasan Guru dan Penjawat Awam
Malaysia Berhad (KYGPA MB)
merangkap Anggota Lembaga
ANGKASA

**merangkap
International
(ACA)**

**Anggota
Corporative**

**Lembaga
Alliance**

Anggota Lembaga Koperasi

Para Perwakilan Koperasi Yayasan Guru dan Penjawat Awam Malaysia Berhad

Datuk/Datin/Tuan/Puan, hadirin yang
dihormati sekalian

ASSALAMUALAIKUM W.B.T

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya, dapat kita bersama-sama pada pagi ini dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke Sebelas dan Perasmian Pejabat Baru Koperasi

Yayasan Guru dan Penjawat Awam
Malaysia Berhad (KYGPAMB).

2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada warga KYGPAMB kerana menjemput saya untuk merasmikan mesyuarat agung perwakilan kali ini

seterusnya merasmikan pejabat baru koperasi. Kehadiran anda semua dalam majlis ini amat-amat dihargai.

3. Saya difahamkan bangunan ini baharu sahaja dibeli pada tahun ini melalui pembiayaan dari Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi

Malaysia. Tahniah kerana akhirnya koperasi ini berjaya mempunyai pejabat sendiri setelah beberapa tahun menyewa di pejabat Yayasan Guru sejak ditubuhkan pada tahun 2010.

4. Saya juga mengucapkan

tahniah dan syabas kepada Anggota Lembaga KYGPAMB dan warga kerjanya kerana berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ini mengikut masa yang telah ditetapkan.

Hadirin yang dihormati sekalian

5. Dalam koperasi, anggota menjadi tunjang dan nadi kepada maju mundur koperasinya. Setiap seorang tidak kira anggota Lembaga, barisan kepimpinan/pengurusan mahupun anggota biasa mempunyai peranan

penting masing-masing. Komponen ini saling bergantung dan berkesinambungan peranan dan sumbangan mereka.

6. Perlu diingat, koperasi bergerak atas sokongan anggotanya kerana ia dimiliki dan dikawal secara demokrasi

oleh anggota. Anggota berperanan memilih dan melantik pemimpin yang berkebolehan dan berwibawa.

7. Oleh itu, pengurusan koperasi perlu memantapkan kerangka tadbir urus bagi memastikan perjalanan pengurusan dengan lancar. Koperasi

harus mengubah paradigma ke arah pembangunan koperasi secara holistik dengan tadbir urus yang cekap, telus, mengutamakan akauntabiliti dan berwibawa.

8. Barisan Anggota Lembaga dan pengurusan koperasi perlu sentiasa

melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran serta sentiasa mengikuti perkembangan dan teknologi terkini dalam bidang perniagaan, industri dan hal-hal berkaitan yang boleh membantu memajukan koperasi.

Hadirin yang dihormati sekalian

9. Mengikut perangkaan SKM sehingga **Disember 2021**, bilangan koperasi berjumlah **14,834 buah** di seluruh negara yang melibatkan jumlah keanggotaan individu seramai **7,079,119 juta orang**. Manakala modal syer/yuran pula berjumlah **RM16,544.66 juta** dan aset sebanyak **RM154,983.01**

juta yang menjana perolehan sehingga **RM37,895.62 juta**.

10. Ini menunjukkan masyarakat masih yakin terhadap kemampuan koperasi membawa perubahan kepada sosio ekonomi. Namun untuk mengekalkan keyakinan masyarakat

bukanlah mudah. Koperasi digalakkan mempelbagaikan aktiviti perniagaan bagi memastikan pendapatan dapat dijana dengan lebih baik.

11. ANGKASA sentiasa komited membantu koperasi merangsang dan membangunkan perniagaan koperasi

agar mampu dan bersedia untuk melibatkan diri dalam perniagaan yang berimpak tinggi melalui pelan perniagaan komprehensif yang dirancang. ANGKASA sentiasa membuka peluang kepada koperasi-koperasi yang berpotensi dan berminat untuk terlibat dalam jaringan

perniagaan.

12. Ini selaras dengan tanggungjawab ANGKASA yang telah dipersetujui dalam Aspirasi Koperasi Malaysia, iaitu berperanan merangsang dan membangunkan perniagaan koperasi dengan

mengenal pasti dan memajukan bidang perniagaan baharu, membangun dan memperkukuhkan perniagaan sedia ada.

Hadirin yang dihormati sekalian

13. Saya yakin dan percaya

koperasi ini yang menjalankan aktiviti kredit sejak penubuhannya, mampu meningkat dan bertambah maju pada masa akan datang selepas pindaan Undang-Undang Kecil, dengan membuka keanggotaannya kepada seluruh penjawat awam seluruh negara. Koperasi juga boleh

memainkan peranan penting untuk membantu anggota-anggotanya apabila berhadapan masalah kewangan memandangkan kos sara hidup yang semakin tinggi dari sehari ke sehari.

14. Saya amat tertarik hati dengan

“VISI” baharu koperasi ini untuk menjadi dan terpilih sebagai salah sebuah dari 100 Koperasi Terbaik menjelang tahun 2025. Bagi menjayakan hasrat koperasi serta mencapai matlamat yang ditetapkan, saya berpendapat para Anggota Lembaga perlu bekerja keras dan

menggandakan usaha kerana beberapa perkara termasuklah dari segi pengurusan dan pentadbiran, kekuatan anggota, kewangan dan lain-lain, akan dinilai oleh pihak berkaitan untuk menentukan sesebuah koperasi dipilih.

15. Saya berharap dan berdoa semoga Koperasi Yayasan Guru dan Penjawat Awam Malaysia Berhad di bawah pimpinan YBhg. Dato' Hj. Kamarudin akan bertambah maju.

Dengan
Bismillahirrahmaanirrahim,

lafaz
saya

dengan ini merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke Sebelas dan Pejabat Baru Koperasi Yayasan Guru dan Penjawat Awam Malaysia Berhad.

Sekian, terima kasih.